Rider In Need (RIN): Terma dan Syarat

1. **Kelayakan Program**
   - 1.1 Program ini terbuka kepada pemegang Sijil Takaful Motosikal Komprehensif Etiqa yang masih berkuat kuasa.
   - 1.2 Motosikal mestilah mempunyai kapasiti enjin 200cc dan ke bawah.
   - 1.3 Program ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia.
   - 1.4 Peserta mesti memenuhi kriteria program lain yang ditetapkan oleh Etiqa berdasarkan umur, pekerjaan dan/atau alamat kediaman atau jenis rumah.

2. **Pengecualian**
   - 2.1 Peserta tidak layak menerima bantuan sekiranya kemalangan berlaku akibat penglibatan dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk perlumbaan jalanan haram atau aktiviti perlumbaan lain yang menyalahi undang-undang.
   - 2.2 Peserta mesti mematuhi semua undang-undang dan keperluan keselamatan yang terpakai, termasuk pemakaian topi keledar keselamatan yang diluluskan pada masa kemalangan.
   - 2.3 Bantuan kekal tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian yang terpakai di bawah Sijil Takaful Motosikal Komprehensif Etiqa peserta.

3. **Penilaian Kelayakan**
   - 3.1 Kelayakan peserta akan ditentukan berdasarkan maklumat dan dokumen yang diterima semasa proses tuntutan.
   - 3.2 Etiqa berhak untuk menjalankan semakan, pengesahan dan penilaian lanjut sebelum membuat keputusan kelayakan.
   - 3.3 Keputusan Etiqa berhubung kelayakan peserta adalah muktamad.

4. **Pengisytiharan dan Pengesahan Maklumat**
   - 4.1 Peserta yang dikenal pasti berpotensi layak mungkin dihubungi untuk memberikan pengisytiharan dan maklumat tambahan.
   - 4.2 Peserta hendaklah memberikan maklumat yang benar, tepat dan lengkap.
   - 4.3 Etiqa berhak menolak, menggantung atau menarik balik bantuan sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak tepat, mengelirukan, tidak lengkap atau palsu.

5. **Pembayaran Bantuan**
   - 5.1 Peserta yang layak boleh menerima bantuan kewangan sebanyak RM100 bagi setiap kes yang diluluskan.
   - 5.2 Pembayaran akan dibuat terus ke akaun bank peserta yang disahkan.
   - 5.3 Tempoh kredit pembayaran adalah tertakluk kepada proses dalaman Etiqa dan pihak bank penerima.

6. Had Program

6.1 Setiap peserta hanya layak menerima bantuan RIN sekali dalam satu tahun kalendar.

6.2 Bantuan ini diberikan tertakluk kepada ketersediaan dana program dan syarat yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

6.3 Program ini tidak mewujudkan sebarang hak berkontrak atau manfaat insurans/takaful tambahan selain bantuan yang dinyatakan secara jelas di bawah Program Rider In Need (RIN).

7. Perlindungan Data Peribadi

7.1 Semua maklumat peribadi yang dikumpul bagi pentadbiran program akan diuruskan mengikut undang-undang yang terpakai dan Notis Privasi Etiqa.

7.2 Maklumat yang diperoleh hanya akan digunakan untuk tujuan penilaian kelayakan, pengurusan program dan pemprosesan pembayaran.

7.3 Dengan menyertai program ini, peserta bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi mereka sebagaimana yang munasabah diperlukan bagi pentadbiran program.

8. Hak Etiqa

8.1 Etiqa berhak untuk mengubah, meminda, menangguhkan atau menamatkan Program Rider In Need (RIN) pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

8.2 Etiqa berhak untuk menahan, menolak atau menuntut semula mana-mana pembayaran sekiranya terdapat bukti penipuan, salah nyata, penyalahgunaan program atau ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat ini.

8.3 Penyertaan dalam program ini merupakan penerimaan terhadap Terma dan Syarat ini.

Penafian

Program Rider In Need (RIN) ditawarkan sebagai inisiatif ihsan dan bukan sebahagian daripada manfaat yang dibayar di bawah sijil motosikal peserta.

Penerimaan mesej, notifikasi atau permintaan pengisytiharan daripada Etiqa tidak menjamin kelulusan bantuan secara automatik. Semua bantuan adalah tertakluk kepada penilaian kelayakan, pengesahan maklumat dan pematuhan kepada terma dan syarat program yang berkuat kuasa.

#EtiqaCares #RiderInNeed #Taawun #PerlindunganUntukSemua